

**TRANSKRIP PENUH SIDANG MEDIA  
TAN SRI DATO' SERI (DR.) HAJI HARUSSANI BIN HAJI ZAKARIA,  
MUFTI NEGERI PERAK  
BERKENAAN AKTA MEMBAHARUI UNDANG-UNDANG (PERKAHWINAN &  
PENCERAIAN) 1976**

**Berikut adalah transkrip penuh sidang media bertarikh 3 April 2017 (Isnin) di Jabatan Mufti Negeri Perak:**

“Menurut pandangan saya, rang undang undang yang akan dibentang pada hujung minggu ini perlu ditangguh agar pindaan akta 164 dapat disemak kekurangan dan kelemahannya. Hal ini kerana pindaan akta ini menyebabkan, jika berlaku penceraian, anak daripada perkahwinan tersebut tidak boleh didaftarkan sebagai agama Islam sekiranya tidak mendapat persetujuan daripada kedua-dua pihak, tertakluk kepada keinginan anak itu apabila dia telah mencapai umur lapan tahun.

Daripada akta tersebut di atas, pindaan akta ini jelas bertentangan dengan hukum syara' dan perlembagaan negara yang sudah sedia ada. Perkara ini tidak boleh sama sekali dipandang remeh kerana ia melibatkan hukum dalam agama kita dan boleh terjerumus kepada syirik. Pindaan ini juga jelas memperlekeh serta menghina agama Islam yang sudah bertapak di negara ini.

Oleh itu, saya menasihatkan agar kenyataan ini ditarik balik dan tidak dibentang ketika ini. Hal ini kerana, sebarang perkara yang bertentangan dengan Islam tidak boleh dilakukan sebagaimana yang telah dipersetujui di dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam sebelum ini. Selain itu, keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Kali Ke-87 pada 23 hingga 25 jun 2009 telah memutuskan bahawa; *'apabila salah seorang pasangan (ibu atau bapa) memeluk agama Islam, status agama bagi anak bawah umur pasangan tersebut adalah secara langsung beragama Islam'*. Pembentangan pindaan akta ini seolah-olah memperlekeh dan menghina fatwa sekaligus tidak menghormati keputusan fatwa yang telah dibuat kerana tidak ada tindakan tegas dari semua pihak yang terlibat. Sehubungan itu, sekali lagi saya berharap agar semua ahli yang memegang tampuk kuasa agar menghormati perlembagaan, melaksanakan perlembagaan, menghormati agama Islam serta menghormati perasaan rakyat yang beragama Islam. Jika nasihat ini tidak diendahkan, dikhuatiri akan berlaku perkara yang lebih berat pada masa akan datang.

Sebagai menjawab pertanyaan pihak wartawan iaitu adakah pindaan akta RUU 164 ini terbaik bagi pasangan di negara ini? Saya menyatakan bahawa, apakah hukum Allah itu tidak baik berbanding dengan hukum yang dibuat oleh manusia? Bahkan selama ini hukum-hukum yang manusia buat itu tidak pun dapat menyelesaikan masalah-masalah mereka. Walhal, kita sebagai orang Islam berpegang bahawa tiada sebarang hukum yang lebih baik daripada hukum Allah. Pendapat sebegitu adalah pendapat orang yang berpandangan cetek dan cetek ilmu agamanya, mereka telah terpengaruh dengan fahaman liberalisme yang mementingkan *Human Right (Hak Asasi Manusia)*, sedangkan *Human Right* banyak

bertentangan dengan falsafah manusia itu sendiri. Inilah pemikiran orang-orang liberal yang akan membawa ke arah penyelewengan.

Saya menegaskan agar pindaan akta 164 ini tidak boleh dibentangkan kerana ia bertentangan dengan agama Islam. Menurut Islam, seseorang dikira cukup umur apabila telah baligh iaitu mencapai umur 15 tahun. Syarat 18 tahun yang digunakan dalam pindaan akta 164 adalah digunapakai oleh orang-orang barat. Oleh itu, kita tidak boleh menerima perkara ini. Saya mencadangkan agar Kerajaan Malaysia mengekalkan akta yang sedia ada. Saya pernah bertugas sebagai Kadi Besar selama 18 tahun di Pulau Pinang dan isu-isu perceraian seperti ini banyak berlaku namun tiada sebarang masalah yang timbul dalam menyelesaikannya.

Berdasarkan pengalaman saya dalam mengendalikan beberapa masalah ketika menjadi kadi, sebagai contoh pernah berlaku dua jenazah berbangsa Cina dan India yang telah memeluk Islam telah dikebumikan di perkuburan bukan Islam. Kemudian saya telah buktikan kepada pihak keluarga mereka tentang kelislaman mereka supaya dibenarkan jenazah mereka dipindahkan ke tanah perkuburan Islam. Maka pihak keluarga telah membenarkan pemindahan jenazah tersebut ke tanah perkuburan Islam.

Kesimpulannya, jangan kerana kompromi politik menyebabkan kita mengadakan sesuatu yang baru dalam urusan agama. Kita sebagai orang Islam sememangnya berharap kepada semua Ahli Dewan Rakyat supaya dapat menjadi pagar yang mampu memagari Islam. Janganlah harapkan pagar, pagar makan padi. Wallahu a'lam."

*Unit Pusat Sumber, Jabatan Mufti Negeri Perak*

## **MEMORANDUM BANTAHAN TERHADAP PINDAAN AKTA 164 – AKTA MEMBAHARUI UNDANG-UNDANG (PERKAHWINAN & PERCERAIAN) 1976**

Kami ingin menyatakan bantahan terhadap pindaan kepada Akta 164 sepertimana yang telah dibentangkan di dalam Parlimen. Walaupun tindakan Kerajaan untuk menyelesaikan isu penukaran agama oleh pasangan bukan Islam kepada Islam haruslah dipuji dan disokong, tetapi penyelesaian yang dicadangkan sepertimana diusulkan di dalam cadangan pindaan Akta 164, akan menafikan hak seorang Muallaf, mendiskriminorkan agama Islam, mengeneipkan bidang kuasa Syariah dan bercanggah dengan jelas peruntukan Perlembagaan.

### **A. PEMBERIAN BIDANGKUASA EKSLUSIF KEPADA MAHKAMAH SIVIL AKAN MENGENEPIKAN BIDANGKUASA SHARIAH DAN MENAFIKAN HAK MUALLAF**

Pindaan Akta 164 ini meminda Seksyen 3 dengan memberi bidangkuasa eksklusif kepada Mahkamah Sivil. Ini akan mengeneipkan bidangkuasa Syariah, menafikan hak muallaf dan jelas adalah tidak adil dan salah.

Cadangan pindaan Akta 164 meminda Seksyen 3 Akta 164 kepada berikut:

“3. Akta ini tidak terpakai bagi seseorang Islam atau bagi seseorang yang berkahwin di bawah Hukum Syarak dan tiada sesuatu perkahwinan boleh diupacarakan atau didaftarkan di bawah Akta ini jika salah seorang daripada pihak-pihak kepada perkahwinan itu menganut agama Islam; tetapi tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh diertikan sebagai menghalang sesuatu mahkamah daripada mempunyai bidang kuasa eksklusif atas pembubaran sesuatu perkahwinan dan semua perkara yang berbangkit daripada itu termasuklah memberi dekri perceraian atas petisyen daripada satu pihak kepada sesuatu perkahwinan jika pihak yang satu lagi itu telah masuk Islam atau perintah lain di bawah Bahagian VII dan Bahagian VIII.....”

Pindaan baru dalam huruf tebal dan digaris akan memberi kuasa “EKSKLUSIF” kepada Mahkamah Sivil dan menafikan secara langsung hak-hak syariah seseorang Muallaf. Kenapa semua Muallaf dipersalahkan. Sepatutnya Muallaf harus dibantu dan dilindungi oleh Kerajaan dan bukan dinafikan haknya sebegitu rupa. Pindaan ini jelas menindas hak muallaf dan tidak adil.

### **B. PEMBERIAN BIDANGKUASA EKSLUSIF KEPADA MAHKAMAH SIVIL ADALAH DENGAN JELAS BERCANGGAH DENGAN PERLEMBAGAAN**

Pindaan Seksyen 3 Akta 164 yang memberi bidangkuasa eksklusif kepada Mahkamah Sivil dengan nyata dan jelas bertentangan dengan Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan. Di bawah Perkara 121 (1A) Mahkamah Sivil tidak mempunyai bidangkuasa berkaitan apa-apa perkara yang di dalam bidangkuasa Mahkamah Syariah.

Di dalam kes Mohamad Habibullah bin Mahmood v Faridah bte Dato' Talib (1992) 2 MLJ 793 Mahkamah telah memutuskan bahawa niat Parlimen melalui Perkara 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan adalah untuk mengambil bidangkuasa Mahkamah Tinggi berkaitan apa-apa perkara yang terletak di bawah bidangkuasa Mahkamah Syariah.

Di dalam kes Pathmanathan a/l Krishnan (also known as Muhammad Riduan bin Abdullah) v Indira Gandhi a/p Mutho and other appeals [2016] 4 MLJ 455, Mahkamah telah memutuskan bahawa dengan membenarkan Mahkamah Tinggi Sivil untuk menyemak keputusan berkaitan dengan bidangkuasa eksklusif Mahkamah Syariah (ia) adalah bertentangan dengan Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan dan prinsip-prinsip semakan kehakiman.

Maka dengan itu, adalah jelas seperti yang diperuntukkan di dalam perlembagaan dan diputuskan di dalam Mahkamah Persekutuan, bidangkuasa syariah adalah termaktub di bawah bidangkuasa Negeri-negeri dan Mahkamah Syariah dan bukan bidangkuasa Mahkamah Sivil. Jadi bagaimana pula cadangan Pindaan Akta 164 boleh memberi bidangkuasa eksklusif kepada Mahkamah Sivil? Ini dengan jelas adalah bercanggah dan bertentangan dengan Perlembagaan dan tidak boleh diluluskan.

### **C. PINDAAN 164 ADALAH BERAT SEBELAH DAN MENDISKRIMINASI ISLAM**

Cadangan Pindaan 164 memperkenalkan seksyen 88A seperti berikut:

“(1) Jika suatu pihak kepada sesuatu perkahwinan telah masuk Islam, agama mana-mana anak dari perkahwinan itu hendaklah kekal sebagai agama pihak-pihak kepada perkahwinan itu sebelum penukaran agama itu, kecuali jika kedua-dua pihak kepada perkahwinan itu bersetuju akan penukaran agama anak itu kepada Islam, tertakluk kepada keinginan anak itu apabila dia telah mencapai umur lapan belas tahun.

(2) Jika pihak-pihak kepada perkahwinan menganut agama berbeza sebelum satu pasangan masuk Islam, seseorang anak dari perkahwinan itu hendaklah bebas untuk kekal dalam agama salah satu daripada agama pihak yang tersebut sebelum masuk Islam.”.

Daripada di atas, Seksyen 88A dengan jelas menyatakan bahawa penukaran agama anak-anak bukan Islam kepada Islam memerlukan persetujuan kedua-dua ibu bapa. Tetapi kenapa ini tidak terpakai kepada penukaran agama anak-anak bukan Islam kepada agama selain daripada Islam seperti Agama Kristian? Kenapa “bias” atau berat sebelah terhadap Islam? Ini jelas mendiskriminasi atas dasar agama yang tidak dibenarkan di bawah Perlembagaan.

Selain itu, ia juga bertentangan dengan Perkara 12 (4) Perlembagaan yang menyatakan seperti berikut:

“...agama seseorang yang di bawah umur lapan belas tahun hendaklah ditetapkan oleh ibu atau bapanya atau penjaganya.”

Mahkamah di dalam kes *Subashini a/p Rajasingam v Saravanan a/l Thangathoray and other appeals* [2008] 2 MLJ 147, telah menyatakan: “menurut kuasa Perkara 12(4) Perlembagaan, salah satu pihak boleh menentukan agama kanak-kanak di bawah umur 18 tahun”.

Maka adalah jelas bahawa di bawah Perkara 12 (4) Perlembagaan dan daripada keputusan Mahkamah, bahawa persetujuan kedua-dua ibubapa adalah tidak perlu. Memadai hanya salah seorang ibubapa diperlukan. Jadi kenapakah Pindaan 164 dikeluarkan melanggar Perlembagaan?

Selain dari itu, Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan ke-87 (23- 25 Jun 2009) juga telah “memutuskan bahawa apabila salah seorang pasangan (ibu atau bapa) memeluk agama Islam, status agama bagi anak bawah umur pasangan tersebut adalah secara langsung beragama Islam.”

Dengan adanya Seksyen 88A ia secara efektif akan menghalang dan menyekat perkembangan agama Islam. Apa akan jadi kepada ibu yang ditinggalkan oleh suami bukan Islam yang memeluk agama Islam. Adakah anak mereka yang sudah tidak dihiraukan suami, akan dihalang dari dibesarkan sebagai Islam? Bukan ke ini akan menghalang mana-mana ibu mahupun bapa memeluk agama Islam? Umi jelas diskriminatori bertentangan perlembagaan dan memprejudis, menyekat dan menghalang penyebaran agama Islam.

Oleh yang demikian, adalah jelas Cadangan Pindaan 164 akan menafikan hak seorang Muallaf, mendiskriminatorikan agama Islam, mengenenepikan bidang kuasa Syariah dan bercanggah dengan jelas peruntukan Perlembagaan. [Ia juga bertentangan dengan Fatwa Kebangsaan dan hukum Syariah.....]

Pada pandangan Pihak kami cadangan pindaan ini TIDAK akan menyelesaikan masalah sedia ada, malah, akan mengakibatkan tercetusnya permasalahan dan permasalahan baru setelah ianya diluluskan dan dikuatkuasakan.

Kami mendesak Kerajaan mempertimbangkan semula pindaan ini. Kami mengakui isu pertukaran agama ini rumit dan perlu diselesaikan. Maka dengan itu kami menuntut seperti berikut:

(a) Analisis lanjut terhadap implikasi positif dan juga negatif terhadap kedua-dua pihak (iaitu pihak yang menukar agama dan pihak yang kekal beragama asal) hendaklah dibentangkan;

(b) Perundingan dan perbincangan di antara kesemua pihak yang berkepentingan (termasuk Institusi Diraja dan NGO-NGO Islam) hendaklah diadakan dalam kadar menyeluruh;

(c) Suatu mekanisma maklumbalas dan komen yang membolehkan rakyat biasa menyuarakan kepentingan dan kebimbangan mereka mengenai implikasi pindaan tersebut harus disediakan; dan

(d) Perbincangan yang lebih telus dan direpresentasi oleh pelbagai pertubuhan rakyat, badan bukan kerajaan, parti politik, badan-badan pentadbir hal ehwal agama Islam, dan lain-lain perlu diadakan dengan segera.

Sehingga pihak Kerajaan melaksanakan tuntutan-tuntutan seperti diatas, kami mendesak segala tindakan atau inisiatif terhadap melaksanakan pindaan Akta 164 tersebut hendaklah ditangguhkan bagi menjaga kepentingan semua pihak secara menyeluruh.